



SEMARAK ILMU
PUBLISHING
202103260160(003314878-P)

Semarak International Journal of Innovation in Learning and Education

Journal homepage:
<https://semarakilmu.my/index.php/sijile/index>
ISSN: 3030-5268



Pelaksanaan Pendidikan Inklusif dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Rendah Daerah Belaga, Sarawak *Implementation of Inclusive Education in Extracurricular Activities in Belaga District Primary School, Sarawak*

Karen Anak Day¹, Vestly Kong Liang Soon^{1, *}

¹ Jabatan Pendidikan Khas, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 15 February 2024

Received in revised form 24 March 2024

Accepted 5 April 2024

Available online 29 May 2024

ABSTRACT

Pendidikan Inklusif merupakan sebuah pendidikan yang berteraskan konsep pendidikan untuk semua khasnya untuk murid berkeperluan pendidikan khas termasuklah dalam aktiviti kokurikulum. Kajian ini dijalankan untuk meneroka pelaksanaan Pendidikan Inklusif dalam aktiviti kokurikulum di kawasan sekolah rendah daerah pedalaman negeri Sarawak. Kajian ini dijalankan bagi meneroka pelaksanaan Pendidikan Inklusif dalam aktiviti kokurikulum di kawasan luar bandar. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes dijalankan di sebuah sekolah yang memiliki populasi kajian seramai 19 orang murid dan sampel kajian terdiri daripada tiga orang responden iaitu guru aliran perdana yang terlibat dalam pendidikan inklusif dalam aktiviti kokurikulum ini. Data kualitatif kajian ini diperoleh melalui hasil temu bual tidak berstruktur dan hasil dapatan data pemerhatian senarai semak. Hasil temu bual dan pemerhatian mendapati kesemua responden memahami erti Pendidikan Inklusif dan setiap responden memiliki pengalaman mengajar kelas inklusif dalam aktiviti kokurikulum ini. Rata-rata responden juga menggunakan kaedah pengajaran belajar sambil bermain dalam aktiviti kokurikulum dan menggunakan beberapa jenis strategi pengajaran seperti belajar sambil bermain. Responden didapati melakukan pengubahsuaian seperti merancang pelaksanaan aktiviti semasa kokurikulum sebelum aktiviti kokurikulum bermula dan hanya menerapkan kaedah pengulangan kepada murid berkeperluan khas. Data temu bual juga menunjukkan kesemua responden menyatakan kelengkapan sukan masih lagi kurang dan fasiliti masih dalam keadaan yang belum memuaskan. Kesemua responden juga mempunyai hubungan dan kerjasama baik dengan warga sekolah. Diharapkan kajian ini boleh memberi manfaat dan rujukan kepada pembaca dan pengkaji.

Inclusive Education is an education that is based on the concept of education for all, especially for students with special educational needs, including extracurricular activities. This study was conducted to explore the implementation of Inclusive Education in co-curricular activities in primary school areas in the interior of Sarawak.

* Corresponding author.

E-mail address: vestly@fpm.upsi.edu.my

Kata Kunci:

Kokurikulum; pendidikan inklusif; guru
arus perdana; mengajar; pengalaman;
pelaksanaan; pengubahsuaian; fasiliti;
kerjasama

Keywords:

Co-curriculum; inclusive education;
mainstream teacher; teach; experience;
implementation; modification; facilities;
cooperation

This study was conducted to explore the implementation of Inclusive Education in extracurricular activities in rural areas. This qualitative study uses a case study design conducted in a school that has a study population of 19 students and the study sample consists of three respondents who are mainstream teachers who are involved in inclusive education in this co-curricular activity. The qualitative data of this study was obtained through the results of unstructured interviews and the results of checklist observation data. The results of interviews and observations found that all respondents understood the meaning of Inclusive Education and each respondent had experience teaching inclusive classes in this co-curricular activity. The average respondent also uses the teaching method of learning while playing in co-curricular activities and uses several types of teaching strategies such as learning while playing. Respondents were found to make modifications such as planning the implementation of co-curricular activities before co-curricular activities begin and only applying repetition methods to students with special needs. The interview data also showed that all respondents stated that sports equipment was still lacking and the facilities were still in an unsatisfactory state. All respondents also have a good relationship and cooperation with the school community. It is hoped that this study can provide benefit and reference to readers and researchers.

1. Pendahuluan

1.1 Latar Belakang

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pelaksanaan pendidikan inklusif dalam kalangan guru arus perdana di sekolah-sekolah rendah di daerah pedalaman Sarawak. Seperti yang kita ketahui, pendidikan merupakan komponen kemahiran yang memainkan fungsi penting dalam kehidupan manusia pada zaman era pemodenan ini. Dengan memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran, individu khususnya MBPK boleh bergerak seiring dan hidup setanding dengan murid-murid normal yang lain dalam usaha meneruskan kelangsungan hidup.

Kajian ini akan mengupas langkah-langkah dan tahap persediaan guru arus perdana dalam mendidik dan mempersiapkan diri mereka untuk mendidik MBPK dalam kelas mereka. Mungkin dalam kajian-kajian lepas, kajian ini dilaksanakan di daerah bandar. Namun, bagi kajian ini juga fokus kajian ini akan dilihat daripada sudut pelaksanaannya di daerah luar bandar Sarawak. Kajian ini akan dijalankan di sebuah sekolah rendah yang memiliki populasi murid-murid seramai hampir 1000 orang murid dengan jumlah guru sebanyak 50 orang tidak termasuk anggota kumpulan pelaksana sekolah. Kajian ini bagi memastikan pelaksanaan PI tidak ketinggalan jurangnya dengan PI di bandar. Pengkaji akan menggunakan sampel kajian daripada tiga orang guru arus perdana yang terlibat secara khusus dalam melaksanakan PI dalam aktiviti kokurikulum ini.

1.2 Penyataan Masalah


Tergolong dalam sebuah sekolah besar dengan jumlah murid yang ramai begitu mencabar bagi guru-guru arus perdana untuk melaksanakan tanggungjawab mereka untuk mendidik MBPK dengan penuh telus dan bertanggungjawab. Guru juga kini bukan sahaja dibebani dengan tugas-tugas mengajar tetapi mereka juga berdepan dengan beban tugas lain yang menjadikan kerjaya sebagai seorang guru bukanlah seindah yang diimpikan suatu ketika dahulu. Guru arus perdana cenderung menghindari terlibat dalam PI ini kerana bagi mereka MBPK ini hanyalah memberi beban dan menyukarkan mereka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kajian ini akan mengupas berkaitan pelaksanaan PI dalam kalangan MBPK di sebuah sekolah rendah luar bandar dan kesannya terhadap keberlangsungan PI di sekolah luar bandar Sarawak.

Didapati faktor mempengaruhi tahap kesediaan pelaksanaan PI di sekolah ialah berkaitan isu sikap dan pengetahuan serta kemahiran guru aliran perdana dalam mendidik MBPK di dalam kelas.

Guru aliran perdana kurang ilmu dalam mengubahsuai proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) mengikut tahap kemampuan dan kesesuaian MBPK. Guru aliran perdana juga berpendapat mereka kurang berkemahiran dan pengalaman dalam mengendalikan MBPK semasa di dalam kelas. Pernyataan ini dibuktikan daripada pernyataan Norliah dan Hanafi [10], menyatakan kurangnya pengetahuan guru dalam mendidik MBPK yang berlainan tahap dan kefungsiannya. Saiful [17] turut memberikan pandangan yang sama berkaitan kurangnya ilmu guru aliran perdana dalam mengajar MBK di kelas inklusif. Saiful [17], menyatakan guru aliran perdana kurang didedahkan dengan kursus atau pengetahuan tentang MBK. Keadaan ini menyebabkan mereka sukar memahami dan mengendalikan MBK. Jika dilihat secara mendalam, sepatutnya guru aliran perdana harus mahir dalam membuat penyesuaian amalan pengajaran guru berdasarkan ketidakupayaan MBK supaya proses PdPc itu dapat berjalan lancar dan objektif pembelajaran boleh dicapai.

1.3 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang melambangkan dan menerangkan empat faktor yang akan dikaji dalam kajian ini. Faktor-faktor ini termasuklah tahap pengetahuan sedia ada guru perdana terhadap pelaksanaan PI dalam aktiviti kokurikulum, kesesuaian kaedah dan strategi pengajaran guru semasa kegiatan kokurikulum Pendidikan Inklusif (PI), kemudahan infrastruktur semasa aktiviti kokurikulum dan kerjasama antara guru perdana, guru pendidikan khas, pihak sekolah dan pihak luar.



Rajah 1. Kerangka konseptual kajian

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti cara dan tahap pelaksanaan PI di sebuah sekolah pedalaman daerah Sarawak. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah yang memiliki populasi murid aliran perdana hampir 1000 orang murid, manakala MBPK didaftarkan sebanyak lebih kurang 20 orang di sekolah ini. Sememangnya dengan angka jumlah murid yang ramai ini menyukarkan dan mencabar guru aliran perdana dan guru pendidikan khas untuk melaksana PI di sekolah ini. Ditambah

lagi, kelas program pendidikan khas integrasi (PPKI) di sekolah ini baru sahaja dibuka empat tahun yang lepas.

Keperluan dan permintaan kemasukan murid ke dalam kelas ini juga turut menjadi isu dalam memastikan pelaksanaan PI dalam aktiviti kokurikulum di sekolah ini berada dalam tahap yang memuaskan. Selain itu, kajian ini juga akan mendapati tahap pengetahuan, kaedah dan strategi yang diaplikasi oleh guru semasa menjalankan aktiviti kokurikulum, kelengkapan infrastruktur dan jalinan kerjasama antara guru arus perdana dan pihak-pihak lain yang berkaitan. Oleh yang sedemikian, kajian ini akan menceritakan tahap-tahap pelaksanaan, isu dan cabaran dalam melaksanakan PI dalam aktiviti kokurikulum di sekolah ini.

1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini melihat persediaan mengajar guru mata pelajaran yang diinkluskikan dalam sekolah ini. Secara khususnya, objektif kajian adalah untuk melihat sejauh manakah pelaksanaan guru perdana dari aspek-aspek meneroka pengetahuan sedia ada guru-guru perdana berkaitan PI dalam aktiviti kokurikulum. Meneroka pendapat guru tentang kesesuaian kaedah dan strategi yang digunakan dalam PI aktiviti kokurikulum. Meneroka kemudahan infrastruktur yang diperlukan untuk kegunaan semasa PI aktiviti kokurikulum. Meneroka persediaan guru untuk menjalankan kolaborasi sesama guru perdana, guru Pendidikan Khas, pihak pentadbir dan pihak luar.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberi manfaat kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, guru dan ibu bapa.

1.7 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah pengetahuan sedia ada guru berkenaan PI dalam aspek kokurikulum?
2. Bagaimanakah pendapat guru tentang kesesuaian kaedah dan strategi yang digunakan semasa aktiviti kokurikulum?
3. Apakah kemudahan infrastruktur yang diperlukan untuk kegunaan semasa aktiviti kokurikulum?
4. Apakah persediaan guru untuk menjalankan kolaborasi sesama guru perdana, guru Pendidikan Khas, pihak pentadbir dan pihak luar?

2. Metodologi Kajian

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian reka bentuk kajian kes dengan menggunakan pendekatan kajian kualitatif. Kajian kes merupakan kajian mendalam berkaitan program, kejadian, aktiviti, proses, seorang ataupun lebih individu dan dibatasi oleh masa dan aktiviti bagi membolehkan pengkaji menggunakan prosedur pengumpulan data dalam tempoh masa yang berterusan. Kajian kes sesuai digunakan dalam kajian ini kerana kajian kes berupaya menyokong siasatan dengan lebih mendalam dan terperinci. Kajian kes juga sesuai digunakan untuk menjelaskan soalan bagaimana dan mengapa sesuatu peristiwa semasa berlaku dan menjelaskan berkaitan tingkah laku yang tidak boleh dimanipulasi dalam kajian ini.

2.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi bagi kajian ini ialah seramai 19 orang murid MBPK yang terlibat dalam program inklusif ini. Pengkaji menggunakan kaedah pensampelan bertujuan, dimana sampel kajian dipilih secara terus berdasarkan objektif kajian. Sampel dalam kajian ini ialah seramai dua orang iaitu guru pendidikan khas di sekolah berkenaan.

2.3 Instrumen Kajian

Pengkaji telah menggunakan dua sampel kajian dalam kajian ini iaitu dua orang guru arus perdana yang mengajar kelas inklusif di sekolah berkenaan. Pengkaji juga telah memilih untuk menggunakan beberapa instrumen untuk mengumpul data dalam kajian ini iaitu melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen. Soalan temu bual ini untuk mengetahui tahap pengetahuan guru pendidikan khas di sekolah ini terhadap pelaksanaan program inklusif dalam sekolah berkenaan. Bagi kaedah pemerhatian pula, pengkaji akan menggunakan senarai semak bagi menentukan ciri-ciri dalam kajian ini dan proses menganalisis dokumen digunakan dalam menterjemah hasil temubual kepada data. Pengkaji akan menyediakan sebuah senarai semak yang mengandungi empat elemen atau faktor dalam kajian ini iaitu berkenaan pengetahuan guru arus perdana yang mengajar aktiviti kokurikulum kelas inklusif, keberkesanan kaedah dan strategi pengajaran guru, pengaruh kemudahan infrastruktur bagi aktiviti kokurikulum dan disoal berkenaan isu kolaborasi antara guru arus perdana dan guru pendidikan khas serta pihak lain yang mengajar PI dalam aktiviti kokurikulum. Prosedur pengumpulan data bagi kajian ini menggunakan kaedah trigulasi iaitu melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen bagi tujuan kesahan data dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual berstruktur terhadap sampel yang dipilih secara langsung dalam kajian ini.

3. Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian ini ialah daripada data temu bual yang dijalankan bersemuka bersama tiga orang responden kajian. Pengkaji juga turut menggunakan kaedah pemerhatian iaitu melalui penggunaan senarai semak dalam kajian ini untuk menunjukkan relevansi dapatan hasil temu bual dan menjawab segala persoalan kajian di dalam kajian ini. Temu bual tidak berstruktur ini dijalankan oleh pengkaji secara bersemuka dengan rakaman audio menggunakan pita rakaman. Manakala, pemerhatian dilaksanakan oleh pengkaji menggunakan borang pemerhatian yang telah disediakan. Pengkaji akan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap dapatan data temu bual yang telah ditranskripsi dan data pemerhatian yang telah direkodkan menggunakan senarai semak.

3.1 Latar Belakang Responden

Ketiga-tiga responden merupakan responden dari sekolah yang sama seperti dalam maklumat pertama dalam jadual di atas. Maklumat jantina responden ialah seorang lelaki dan dua orang perempuan. Manakala, maklumat umur ketiga-tiga responden ini merupakan antara 27 tahun sehingga 30 tahun. Selain itu, ketiga-tiga responden ini masih berstatus bujang atau belum berkahwin dan memiliki latar belakang dalam bidang pendidikan. Ketiga-tiga orang responden ini memiliki pengalaman mengajar selama setahun sehingga 3 tahun. Terdapat seorang responden yang menjadi guru penasihat Kelab Hoki manakala dua orang lagi merupakan guru penasihat badan uniform

pengakap. Ketiga-tiga responden ini memiliki pengalaman mengajar kelab atau badan beruniform selama satu sehingga empat tahun.

3.2 Analisis Pengetahuan Sedia Ada Guru Perdana tentang Pendidikan Inklusif (PI) dalam Kegiatan Kokurikulum

Ketiga-tiga responden telah memberi maklum-balas yang positif berkenaan dengan pengetahuan mereka terhadap PI ini seperti dalam jadual di atas. Responden 1 menyatakan PI ini merupakan campuran murid perdana dan murid berkeperluan pendidikan khas yang digabungkan dalam satu subjek atau satu mata pelajaran atau dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh kelas perdana. Manakala, responden 2 pula memberi penjelasan PI melibatkan murid perdana dalam sesebuah mata pelajaran atau mana-mana badan kokurikulum di sekolah. PI juga melibatkan kerjasama guru arus perdana untuk mendidik dan membimbing MBPK semasa sesi kokurikulum dijalankan. Jadi murid arus perdana akan bersama-sama dengan murid pendidikan khas untuk belajar dan membuat aktiviti bersama. Responden 3 juga menyatakan PI ini merupakan satu jenis pendidikan yang melibatkan kolaborasi semua pihak sekolah dalam menentukan libat sama murid berkeperluan khas dan murid-murid perdana dalam sesi pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti kokurikulum. Responden 3 juga turut berpendapat guru perdana merupakan individu yang memainkan peranan yang sangat penting sebagai pembimbing dan tenaga pengajar utama dalam PI ini.

3.3 Pengalaman Guru Mengajar Kelas PI

Responden 1 menyatakan PI ini selama dua tahun dalam unit beruniform Pengakap. Di samping itu, responden 2 dan responden 3 masing-masing merupakan guru penasihat Kelab Hoki telah berkhidmat selama dua dan satu tahun dalam mengendalikan kelab Hoki bersama MBPK. Dapat dilihat dengan jelas, ketiga-tiga responden ini masih baru dalam mengendalikan PI di sekolah ini.

3.4 Kesesuaian Kaedah dan Strategi Pengajaran Guru semasa Kegiatan Kokurikulum Pendidikan Inklusif (PI) di Sekolah

Responden 2 dan responden 3 masing-masing menggunakan kaedah pengajaran menggunakan strategi pengajaran pemusatan guru. Kedua-dua responden ini juga percaya peranan guru sebagai role model dan penyampai bagi meningkatkan kefahaman semua murid semasa aktiviti kokurikulum dijalankan. Guru bertindak sebagai contoh yang tepat terutamanya dalam mendemonstrasi dan menunjukkan teknik-teknik bermain yang betul semasa aktiviti kokurikulum. Responden 1 yang lebih mementingkan penggunaan strategi pengajaran berpusatkan bahan dalam unit beruniform Pengakap. Walau bagaimanapun, responden 1 dan responden 3 turut menggunakan strategi pengajaran belajar sambil bermain dalam kedua-dua pengurusan kelas kokurikulum mereka.

3.5 Pengubahsuaian Kaedah dan Strategi Pengajaran

Dua orang responden iaitu responden 1 dan responden 3 ada melakukan perancangan sebelum sesi kokurikulum dijalankan. Manakala ketiga-tiga orang responden sama menggunakan teknik pengulangan untuk meningkatkan kefahaman murid.

3.6 Analisis Kemudahan Infrastruktur semasa Aktiviti Kokurikulum

Peralatan sukan di sekolah tempat kajian ini dijalankan masih dalam status kekurangan dan tidak berstatus terkini.

3.7 Kemudahan Fasiliti

Ketiga-tiga responden berpendapat bahawa kemudahan fasiliti seperti padang, bilik darjah dan dewan mungkin boleh tapi belum dalam tahap yang selesai lagi. Keadaan bilik darjah kecil yang kecil dan kekurangan meja, kerusi, kipas yang boleh menimbulkan ketidakselesaian semua murid. Responden 2 juga turut menyebut banyak yang perlu dilakukan ke arah kemudahan fasiliti yang lengkap.

3.8 Analisis Kerjasama antara Guru Perdana, Guru Pendidikan Khas, Pihak Sekolah dan Pihak Luar

Responden 1 menyatakan pertolongan guru-guru lain amat diperlukan semasa aktiviti kokurikulum kerana bilangan murid yang terlalu ramai. Responden 1 juga menyatakan kesukaran untuk memberikan perhatian dan tumpuan kepada MBPK semasa mengendalikan aktiviti kokurikulum ini. Responden 1 turut menyatakan kurang arif untuk mengendalikan berkeperluan khas ini. Bagi responden 2 pula, selalu meminta pandangan guru lain berkenaan cara pelaksanaan aktiviti pengajaran sebagai cara untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran. Responden 2 menyatakan pengalaman yang masih baru dan belum arif mengajar murid biasa dan arus perdana. Menurut responden 2, beliau masih belajar untuk menyesuaikan diri mengurus murid berkeperluan khas dan sukar bagi beliau sebenarnya. Manakala, responden 3 menyatakan memerlukan bantuan guru-guru dan guru pendidikan khas untuk membantu saya mengawal murid kerana murid sekolah ini yang amat ramai dan memerlukan bilangan guru yang ramai. Responden 3 juga menghadapi masalah memberi tumpuan dan bimbingan khas kerana murid yang ramai menyukarkan responden memberi masa dan tumpuan kepada murid khas. Ketiga- tiga responden juga masih belum menguasai kemahiran mengendalikan MBPK semasa dalam aktiviti kokurikulum.

3.9 Jalinan Kerjasama Pihak Pentadbiran Sekolah

Responden 1 menyatakan merujuk keperluan dan kekurangan terutamanya dalam fasiliti dan kemudahan lain kepada pentadbir bahagian kokurikulum untuk makluman dan tindakan lanjut pihak sekolah. Manakala, responden 2 pula akan mencatat keperluan dan kekurangan yang akan diutarakan semasa mesyuarat atau taklimat bersama pihak pentadbir serta responden 3 menyatakan merujuk terus kepada pentadbir kokurikulum berkenaan masalah kekurangan fasiliti dan kemudahan. Walau bagaimanapun, responden 3 juga menyatakan beberapa kali telah menyuarakan berkaitan masalah kekurangan peralatan dan keadaan fasiliti lain kepada pihak pentadbir dan beranggapan kemungkinan pihak sekolah tidak mempunyai peruntukan yang cukup atau tiada bajet khas bagi kerja penyelenggara ataupun masalah lain yang menyebabkan masalah ini menjadi berterusan.

3.10 Analisis Senarai Semak Pemerhatian

Ketiga-tiga responden memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam mengendalikan kelas inklusif dalam aktiviti kokurikulum. Sehubungan itu, ketiga-tiga responden juga menggunakan kaedah dan

strategi pengajaran cikgu semasa menjalankan kegiatan kokurikulum. Walau bagaimanapun, hanya responden 2 yang tidak melakukan pengubahsuaian kaedah dan strategi pengajaran sebelum dan selepas menjalankan aktiviti kokurikulum dilaksanakan. Bagi bahagian kemudahan infrastruktur semasa aktiviti kokurikulum ketiga-tiga responden mengalami masalah kurang kelengkapan dan mengalami kekurangan dalam fasiliti yang telah tersedia di sekolah. Bagi kerjasama antara guru perdana, guru pendidikan khas, pihak sekolah dan pihak luar, ketiga-tiga responden didapati membuat jalinan kerjasama dalam kalangan guru-guru sekolah terhadap pelaksanaan PI dalam aktiviti kokurikulum dan melakukan kerjasama yang melibatkan barisan pentadbir sekolah terhadap pelaksanaan PI dalam aktiviti kokurikulum.

3.11 Perbincangan

Guru arus perdana yang mengalami kesukaran mengendalikan MBPK sehingga boleh menyebabkan ketidakberkesanan PI ini dijalankan dalam sekolah kajian. Oleh itu, guru arus perdana harus mempunyai sikap dan pengetahuan mengenai amalan inklusif yang secara tidak langsung berkaitan dengan kualiti pengajaran mereka. Guru lebih memberikan fokus terhadap penghasilan ransangan iaitu melalui penggunaan strategi pengajaran dan kaedah pengajaran untuk menghasilkan gerak-balas murid ataupun merujuk kepada kefahaman murid yang diterima daripada ransangan yang diberikan oleh guru dalam sesuatu sesi pengajaran berdasarkan fahaman dalam teori pelaziman operan Thorndike. Oleh itu, guru arus perdana harus mencuba untuk menggunakan apa jua strategi untuk membantu penyertaan MBPK dalam pembelajaran arus perdana. Kekurangan peralatan boleh menyebabkan murid-murid ketinggalan dalam sesebuah kelas kokurikulum. Mereka terpaksa menunggu giliran sehingga keadaan ini boleh menyebabkan murid-murid hilang minat untuk menyertai aktiviti kokurikulum. Tambahan dengan keadaan murid MBPK yang kurang sabar dan mengalami masalah dalam pengawalan tingkah-laku sendiri menyukarkan MBPK untuk menunggu giliran mereka. Tambahan itu, kebarangkalian ada murid yang tidak sempat menggunakan peralatan juga akan berlaku kerana tempoh masa kokurikulum adalah terhad. Faktor ketidaksempaian kawasan kajian ini dijalankan juga menjadi faktor penyumbang sekolah kurang mendapat akses terhadap kelengkapan sukan yang lengkap. Faktor kemudahan fasiliti juga turut menarik minat pengkaji dalam mengetahui sejauhmana pelaksanaan PI di sekolah kajian ini. Kemudahan seperti padang, kelas dan lain-lain menyumbang kepada faktor keselesaan kepada tenaga pengajar iaitu guru dan murid-murid [6]. Bilangan murid yang ramai memerlukan kapasiti kawasan pelaksana sesebuah aktiviti kokurikulum yang besar dan luas agar keberlangsungan aktiviti kokurikulum boleh berjalan lancar. Murid-murid dan guru tidak bersempit dan berpanas dalam bilik darjah yang kecil dan panas semasa aktiviti kokurikulum ini dijalankan. Faktor kurang guru boleh menyebabkan kelas inklusif kokurikulum ini sukar dijalankan dengan jayanya. Guru perlu lebih masa untuk mengurus murid dan mempunyai masa yang sedikit untuk memfokuskan berkenaan pembelajaran pada hari berkenaan.

4. Kesimpulan

Dapatan kajian telah membuktikan bahawa perbincangan dapatan memberi banyak maklumat dan pendedahan pengetahuan baru kepada para pembaca. Menerusi kajian ini juga, pengkaji dan pembaca sekali gus memperoleh maklumat berguna berkenaan pelaksanaan PI dalam aktiviti kokurikulum di sekolah luar bandar Sarawak. Pengkaji juga berharap melalui dapatan kajian ini dapat mengubah dan merubah tanggapan atau anggapan pengkaji sebelumnya terhadap pelaksanaan PI ini. Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat kajian ini membuktikan masih banyak lagi yang

perlu dilakukan oleh semua pihak ke arah pelaksanaan PI yang berkualiti dan berkesan terutamanya bagi sekolah-sekolah di luar bandar.

Penghargaan

Kajian ini tidak ditaja oleh mana-mana pihak ataupun tidak menggunakan mana-mana geran.

Rujukan

- [1] Amran, Hannah Aqilah, Rosadah Abd Majid, and Manisah Mohd Ali. "Cabaran guru pendidikan khas pada abad ke-21." *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4, no. 26 (2019): 113-122.
- [2] Toran, Hasnah, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, and Norasuzaini Sujak. "Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia." *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 1, no. 2 (2009): 18-29.
- [3] Laporan Awal Pelan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (2012). <https://www.moe.gov.my/images/dasar-kpm/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>
- [4] Hussain, Mohamad Reduan. "Program Pendidikan Khas (pekak) di Institusi Pendidikan Teknikal Kementerian Pendidikan Malaysia." PhD diss., Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, 2004.
- [5] Tahar, Mohammad Mokhtar, and Farhana Najib. "Kesediaan guru aliran perdana terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif." *E-prosiding persidangan antarabangsa sains sosial dan kemanusiaan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor* (2019).
- [6] Farhan, Muhammad, Suhailah Md Hamil, Nurul Natasha Azmi, Nurul Umaira Juliana Roslid, Nur Nabilah Zainal, Nor Balqis Kamaruddin, Nur Izzsufi Hamizi, Nurul Zulaikha Ismawi, and Mohd Razimi Husin. "Masalah pembelajaran untuk pelajar pendidikan khas: dana dan prasarana." *International Journal of Humanities, Management and Social Science (IJ-HuMaSS)* 3, no. 1 (2020): 1-10.
- [7] DI POLITEKNIK, P. E. N. D. E. N. G. A. R. A. N., and NURUL HARIZA BINTI HAMID. "ASPIRASI KERJAYA DALAM KALANGAN PELAJAR BERMASALAH."
- [8] Ali, Norramlah, and Nurfaradilla Mohamad Nasri. "Halangan Yang Dihadapi Oleh Guru Aliran Perdana Dalam Melaksanakan Program Pendidikan Inklusif." *Jurnal Dunia Pendidikan* 3, no. 3 (2021): 74-82.
- [9] Palaniandy, Nirmala, and Mohd Hanafi Mohd Yasin. "Tahap kesediaan guru arus perdana terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif: Tinjauan di Sekolah Menengah Daerah Gombak." *Jurnal Dunia Pendidikan* 3, no. 1 (2021): 633-644.
- [10] Amin, Norlia Mohd, and Mohd Hanafi Mohd Yasin. "Pelaksanaan program pendidikan inklusif murid berkeperluan khas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015." In *Seminar Antarabangsa Pendidikan Khas Rantau Asia Tenggara Siri Ke*, vol. 6. 2016.
- [11] Jalaluddin, Noor Syahira, and Mohd Mokhtar Tahar. "Pelaksanaan Pendidikan Inklusif dalam kalangan Guru Arus Perdana." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7, no. 2 (2022): e001280-e001280.
- [12] Othman Lebar. (2022). *Penyelidikan kualitatif: pengenalan kepada teori dan metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- [13] Haug, Peder. "Understanding inclusive education: ideals and reality." *Scandinavian journal of disability research* 19, no. 3 (2017): 206-217.
- [14] Sulaiman, Rosmawati. "Faktor-faktor pendorong golongan orang kurang upaya (OKU) bekerja di JARO (Johor Area Rehabilitation Organisation)." PhD diss., Universiti Teknologi Malaysia, 2008.
- [15] Ibrahim, Rohaizat. "Pengetahuan guru perdana terhadap program pendidikan inklusif." In *Special Education International Conference (SEIC)*, pp. 25-27. 2019.
- [16] Seriyuna Sa'don, Z. (2019). *Isu Dan Cabaran Guru Pendidikan Khas di Malaysia Dan Amerika Syarikat: Satu Kajian Perbandingan*. Jurnal al-Sirat, Bil. 18 Vol. 1.
- [17] Saiful Azam, K. A. (2017). *Program Pendidikan Inklusif bagi Murid-Murid Berkeperluan Khas di Malaysia*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM. https://www.researchgate.net/profile/Saiful-Azam-2/publication/332521325_Program_Pendidikan_Inklusif_Bagi_Murid-Murid_Berkeperluan_Khas_di_Malaysia/links/5f96862a458515b7cf9ef0cd/Program-Pendidikan-Inklusif-Bagi-Murid-Murid-Berkeperluan-Khas-di-Malaysia.pdf
- [18] Salleh, Siti Fatimah. "Masalah pengajaran guru dalam program pendidikan inklusif di sekolah." *Asian People Journal (APJ)* 1, no. 2 (2018): 243-263.
- [19] Azudin, Syafawati. "Perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P & P) Pendidikan Khas (masalah pendengaran) bagi Program Kejuruteraan dan Hospitaliti di Politeknik." PhD diss., Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2012.

- [20] Saad, Supiah. "Kitmen dan peranan guru dalam pelaksanaan pendekatan pendidikan inklusif di Malaysia." In *Seminar Kanak-Kanak Bermasalah Emosi, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya*. 2005.
- [21] Abdullah, S., A. Mohamad, and L. J. Abu Bakar. "Program transformasi OKU melalui edutourism: Satu tinjauan terhadap kompetensi keusahawanan orang kelainan upaya (OKU)." *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* 2, no. 3 (2016).